



TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI
MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SPORTS DEVELOPMENT AND COACHING SEMINAR 2021

**10 APRIL 2021 | 2.30 PETANG |
PULLMAN HOTEL, BANGSAR**

SALUTATION

1. YBHG. DATUK RAMLAN BIN HAJI SHAHEAN @ ASKOLANI
Pengerusi
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
2. YBHG. DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)
Kementerian Wilayah Persekutuan
3. YBHG. TAN SRI DATO' SERI MOHAMAD NOOR ABDUL RAHIM
Timbalan Pengerusi II
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
4. YBRS. DR. HASNUL FAIZAL BIN HUSHIN AMRI
Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
5. YBHG. PROF MADYA DR. ZULKIFLI HASAN
Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar & Penglibatan Komuniti)
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
6. YBHG. PROF. DATO' DR. IKRAM SHAH BIN ISMAIL
Naib Canselor
MAHSA University
7. YBHG. DATUK ANDREW LIM TATT KEONG
Presiden
Persatuan Judo Malaysia
8. ENCIK JAYA KARTHIGAIYAN VEERASAMY
Ketua Pegawai Eksekutif
KPNP Malaysia
9. ENCIK TIEW EI YAO
Brand Manager
Paragon Vest Sdn Bhd

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah S.W.T dapat kita bersama-sama menghadiri dan seterusnya menjayakan Sports Development and Coaching Seminar 2021 pada petang ini.

Seminar rancakkan semula sektor sukan Wilayah Persekutuan menjelang SUKMA

1. Seperti mana semua maklum, negara kini masih lagi bertarung dengan pandemik Covid-19, inisiatif yang dilakukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dalam menganjurkan seminar selama dua hari ini wajar diberikan pujian dalam merancakkan semula sektor sukan terutama bagi persiapan kontinjen Wilayah Persekutuan dalam menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) yang dijadual berlangsung tahun hadapan. Syabas dan tahniah saya ucapkan.
2. Dalam persiapan menuju ke SUKMA 2022 yang dikhabarkan bakal berlangsung pertengahan tahun hadapan, penganjuran seminar ini diharap dapat melengkapkan jurulatih kita dengan ‘senjata’ pengetahuan yang mencukupi khususnya dalam bidang sains sukan yang sememangnya terbukti membantu meningkatkan prestasi atlet ke peringkat tertinggi.
3. Seperti yang semua sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diadakan sebelum ini, banyak memberi kesan terhadap momentum persediaan atlet dan kontinjen Wilayah Persekutuan.

Kebajikan atlet dan jurulatih: elaun diteruskan ketika PKP, PKPB

4. Biarpun begitu, selaku Menteri Wilayah Persekutuan, kami di Kementerian mengambil berat terhadap kebajikan atlet dan jurulatih yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Oleh sebab itu, kami memastikan elaun latihan kepada 700 atlet dan 103 jurulatih tetap diteruskan seperti mana yang disenaraikan dalam inisiatif Wilayah Cakna di bawah konsep Wilayah Prihatin.
5. Kita terpaksa akur terhadap pandemik yang berlaku menyebabkan latihan intensif tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka sepanjang tempoh pelaksanaan PKP dan PKPB di Wilayah Persekutuan, namun saya percaya atlet kita masih kekal berlatih bagi memastikan kecergasan di tahap terbaik disamping mendapat pemantauan daripada jurulatih masing-masing secara *online*.
6. Bukan itu sahaja, sebanyak RM180,000 turut diperuntukkan kepada 90 persatuan sukan di bawah MSWP bagi membantu meringankan kos pentadbiran persatuan sukan di Wilayah Persekutuan yang terkesan daripada tempoh sukar ketika ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Misi seminar: Lahirkan Jurulatih dan Atlet berkualiti dan muncul juara SUKMA 2022

7. Bertepatan dengan tema seminar kali ini “*Reach for Gold – Developing and Shaping High Performance Sports Approach for*

SUKMA 2022”, menjadi impian dan hasrat saya untuk melihat kontingen Wilayah Persekutuan muncul juara keseluruhan SUKMA akan datang di Johor.

8. Untuk makluman semua, kontingen Wilayah Persekutuan bukan sekadar melahirkan atlet di peringkat tempatan, malah juga melahirkan atlet yang bertaraf Olimpian. Nama besar seperti penerjun Nur Dhabitah Sabri dan Wendy Ng serta pemain badminton Goh V Shem masing-masing bermula sebagai atlet Wilayah Persekutuan dan digilap sehingga beraksi di pentas Sukan Olimpik.
9. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, suka atau tidak, komponen sains sukan memainkan peranan utama dalam pembentukan atlet bagi diketengahkan hingga ke peringkat tertinggi seperti Sukan Olimpik. Oleh itu, sembilan orang pembentang yang berpengalaman luas dalam bidang sains sukan ditampilkan dalam seminar kali ini bagi memastikan matlamat utama melahirkan atlet yang berpotensi besar dapat direalisasikan.
10. Untuk makluman semua, pembentang yang ditampilkan bakal memberi perkongsian ilmu dalam mengendalikan dan melaksanakan latihan dengan kaedah latihan terkini dan bersistematis.
11. Pada majlis hari ini juga bakal menyaksikan, perjanjian persefahaman (MOU) antara MWSP dan lima pihak akan dimeterai dalam usaha membangunkan lagi sukan di Wilayah Persekutuan seiring dengan Pelan Strategik MSWP 2019-2023 yang dirangka sebelum ini.

MOU antara MSWP dan lima pihak yang bakal dimeterai:

	Intipati
Persekutuan Judo Malaysia	Menjayakan program pembangunan sukan judo peringkat nasional di Wilayah Persekutuan
International Islamic University Malaysia (IIUM)	Laluan khas atlet belajar di UIA dan pembangunan sukan ragbi Wilayah Persekutuan
MAHSA University	Biasiswa kepada atlet dan pertukaran pengetahuan antara pengajar MAHSA dan Jurulatih MSWP
KPNP	Program kerjasama latihan dan pendidikan atlet
Paragon Vest Sdn Bhd	Kad diskauan pembelian peralatan sukan sehingga 25-50 peratus kepada atlet Wilayah Persekutuan *inisiatif kali pertama di negara ini*

12. Pemberian kad diskauan yang dinamakan ***Team Wipers Discount Card*** ini nanti akan menyaksikan seramai 1,300 atlet di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan menerima manfaatnya apabila atlet terbabit boleh terus ke kedai sukan yang tersenarai untuk membeli alatan sukan untuk menerima potongan sehingga 25-50 peratus atau boleh juga membuat pembelian terus di laman web.

13. ***Team Wipers Discount Card*** ini adalah sebahagian daripada penambahbaikan yang dilakukan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dalam memastikan kebajikan atlet sentiasa dibela seiring dengan kepada pemberi kad ini nanti juga adalah sebahagian daripada inisiatif kebajikan yang diberi buat manfaat atlet Wilayah Persekutuan dalam memastikan kebajikan mereka terus dibela.
14. Sebelum ini atlet Wilayah Persekutuan turut menerima pelbagai kebajikan termasuklah perlindungan insurans, Skim Insentif Kemenangan, bantuan perubatan dan rehabilitasi sukan serta banyak lagi. Saya turut dimaklumkan dalam masa terdekat, satu pakej lengkap yang lebih bersepada dengan mengumpulkan elemen kebajikan, kerjaya dan pendidikan atlet akan diumumkan tidak lama lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Saya merakamkan tahniah buat semua 150 jurulatih yang bakal menerima Watikah Pelantikan Jurulatih WiJuara dan Bakat Sukan Wilayah (BSW) sebentar lagi. Pesanan daripada saya, gunakanlah amanah dan tanggungjawab yang diberikan ini dengan sebaik-baiknya dalam melahirkan atlet yang bergelar juara bukan sahaja di peringkat Wilayah Persekutuan, tetapi kalau boleh hingga ke peringkat antarabangsa.

PENUTUP

16. Akhir kata, besarlah harapan saya agar Sports Development and Coaching Seminar 2021 yang diadakan ini bakal memberi pengetahuan

dan kemahiran yang baru yang mana ia boleh diguna pakai dalam melahirkan lebih ramai atlet yang berkualiti.

17. Dengan lafaz Bismillhir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Sports Development and Coaching Seminar 2021.

18. Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.